

TARIKH: 2/6/23
SURAT KHABAR: Kosmo
MUKA SURAT: 5

Dikesan ketika jalani saringan kesihatan Perkeso 252,000 daripada 600,000 pekerja obes

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Sebanyak 42 peratus atau 252,000 daripada 600,000 pekerja yang menjalani Saringan Kesihatan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) atau HSP tahun lalu dikenal pasti mengalami masalah obesiti.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud berkata, analisa yang sama menunjukkan sebanyak 14.1 peratus mereka menghidap kencing manis, manakala 27.91 menghidap darah tinggi.

“Sebanyak 61.2 peratus pekerja mempunyai masalah kolestrol tinggi. Selaras dengan matlamat Malaysia Madani dalam tonggak ihsan, kerajaan komited memastikan kesihatan rakyat dalam keadaan baik.

“Pelaksanaan HSP 3.0 akan membolehkan pekerja mengetahui status kesihatan terkini terutama selepas pasca Covid-19,” katanya pada Majlis Pelancaran HSP 3.0 di UEM Edgenta Learning Centre, di sini semalam.

HSP 3.0 yang bermula 16 Mei lalu sehingga penghujung 2023 ditawarkan secara percuma kepada pekerja berusia 40 hingga 59 tahun meliputi parameter saringan yang lebih komprehensif.

Ia termasuk saringan kesihatan mental, ujian komposisi darah merah, saringan kencing manis melalui ujian HbA1c, ujian tahap kolestrol, ujian fungsi hati dan buah pinggang, serta ujian kanser dalam darah.

Bagi pekerja wanita, saringan kesihatan termasuk kanser payu-



MUSTAPHA (dua dari kanan) ketika meninjau proses saringan kesihatan pada Majlis Pelancaran Program Saringan Kesihatan Perkeso 3.0 di UEM Edgenta Learning Centre, Petaling Jaya semalam. – SHIDDIEQIN ZON

dara serta kanser pangkal rahim dan lebih 2.2 juta pekerja dianggap layak untuk menjalani saringan kesihatan HSP tahun ini.

Terdahulu, Mustapha berkata, statistik Perkeso pada 2022 menunjukkan seramai 23,174 penjarum Perkeso mengalami hilang upaya atau meninggal dunia disebabkan penyakit tidak berjangkit (NCD).

Kata beliau, secara purata sebanyak 63 kes NCD dilaporkan kepada Perkeso setiap hari.

“Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, tiga daripada lima penyebab utama kematian di Malaysia berkaitan NCD di mana penyakit jantung kekal sebagai punca utama kematian.

“Oleh itu, penting bagi semua rakyat Malaysia berusaha mengamalkan gaya hidup sihat termasuk golongan pekerja,” katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, HSP 3.0 yang dilancarkan dengan peruntukan geran padanan dalam Belanjawan 2023 mempunyai skop lebih luas kerana ia merupakan program saringan kesihatan pasca Covid-19.

“Saya percaya pandemik Covid-19 telah membuka mata masyarakat tentang pentingnya menjaga kesihatan kerana individu yang menghidap NCD adalah lebih berisiko apabila dijangkiti Covid-19,” katanya.

Kosmo
Jumaat
2 Jun 23
Negara
ms 5.